

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 15/06/2017
Edisi / Muka Surat : Timur / 31

Angkasa rai pesakit, petugas Hospital Pekan

KUANTAN 14 Jun - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) memperuntukkan sebanyak RM25,000 untuk disumbangkan kepada Hospital Pekan dekat sini bagi menyediakan keperluan harian pesakit.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pelbagai usaha dilakukan pihaknya dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat kepada individu memerlukan terutama sempena Ramadan kali ini.

"Melalui peruntukan ini, Angkasa menyumbang empat kerusi tidur, cermin muka dan 150 barang keperluan harian kepada pesakit.

"Pada masa sama, Angkasa turut meraikan 250 petugas dalam majlis berbuka puasa dan menyampaikan sumbangan termasuk duit raya kepada 70 pesakit," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena Majlis Kunjungan dan Penyampaian Sumbangan Program Khidmat Sosial di Hospital Pekan dekat sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Presiden Angkasa, Mutadho Bahri.

Yang hadir sama ialah Pengurus Jawatankuasa Perhubungan



MUTADHO BAHRI (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada seorang pesakit dalam Majlis Kunjungan dan Penyampaian Sumbangan Program Khidmat Sosial Korporat Angkasa di Hospital Pekan, Pahang, kelmarin. - UTUSAN/AMEER FERDAUS AB. AZIZ

Angkasa Negeri Zon 1, Mohd. Zahidi Hussain dan Timbalan Pengarah Hospital Pekan, Dr. Mohd. Haimee Ahmad.

Menurut Abdul Fattah, usaha yang dijalankan itu diharap dapat meringankan sedikit beban pesakit dan menggembirakan kakitangan dalam menabur bakti kepada masyarakat.

Sementara itu, Mohd. Haimee berkata, pihaknya sangat berterima kasih kepada Angkasa di

atas sumbangan peralatan dan kemudahan asas untuk kegunaan hospital.

"Sumbangan tersebut akan dimanfaatkan sebaik mungkin untuk kegunaan pesakit serta dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

"Program sebegini juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara kakitangan dan petugas Hospital Pekan dengan Angkasa," ujarnya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia